

# Fokus pembangunan sekitar ECRL

**Kuantan:** Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuantan 2035 (Penggantian) perlu memberikan tumpuan terhadap pembangunan di sekitar kawasan stesen Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka dibina di daerah ini.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, projek itu bakal merencanakan lagi pembangunan di daerah ini melalui pembinaan empat stesen iaitu Gambang, KotaSAS, Kuantan Sentral dan Pelabuhan Kuantan.

"Justeru, saya berharap draf rancangan ini dapat mengadaptasikan pembangunan berorientasikan transit di sekitar kawasan stesen yang sesuai," katanya pada Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam RT Daerah Kuantan 2035 (Penggantian), di sini, semalam.

Teks ucapannya disam-



**WAN Rosdy (kanan) pada Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam RT Daerah Kuantan 2035 (Penggantian), di sini, semalam.**

paikan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan, Datuk Fadzilla Salleh.

Adnan berkata, Kuantan adalah pusat pertumbuhan ekonomi Pantai Timur dengan pelbagai sektor perindustrian dan perdagangan

tertumpu di daerah ini kerana statusnya sebagai ibu negeri Pahang.

"Kecekapan urusan tadbir dan kemudahan infrastruktur membolehkan bandar ini berkembang pesat secara fizikal dan ekonomi, malah daerah ini juga kaya dengan hasil bumi dan sumber semulajadi.

"Justeru, ia perlu dirancang dan diurus dengan baik dan lestari supaya dapat diwarisi oleh generasi pada masa akan datang," katanya.

# Ada pas tapi kena bayar caj parkir

**Kuantan:** Orang ramai yang berkunjung ke Teluk Chempedak, di sini, terkejut apabila perlu membayar caj parkir walaupun kenderaan mereka mempunyai pas bulanan atau tahunan yang dibeli daripada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Mereka mendakwa, sebelum ini boleh meletak kenderaan di kawasan pusat peranginan itu secara percuma, namun bermula 1 Julai lalu, perlu membayar seperti orang lain yang tidak mempunyai pas parkir.

Pengunjung, Alim Badri Hisham, 56, berkata perkara itu disedarinya petang semalam selepas dia dan keluarga mahu beriadah di kawasan pantai popular berkenaan.

"Sampai di situ saya diarahkan membayar parkir oleh penjaga parkir sebelum meletakkan kendera-

an di tempat berhampiran pantai.

"Sebelum ini, saya rasa parkir di medan letak kereta di Teluk Chempedak percuma, tetapi hari ini (semalam) kena keluarkan wang.

"Saya sendiri pun tidak tahu sehingga melihat notis dipaparkan di tempat punggutan caj itu," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Seorang lagi pengunjung, Asma Niza Khairuddin, 31, berkata, dia dikenakan bayaran parkir RM2.10 sedangkan medan letak kenderaan itu adalah percuma sebelum ini bagi yang mempunyai pas parkir.

"Saya terkejut apabila mendatangi penjaga kaunter meminta duit. Mereka memaklumkan pembayaran itu mula dilaksanakan pada 1 Julai lalu.

"Saya harap MPK dapat menggunakan sistem se-

belum ini, iaitu membolehkan pengguna yang memiliki pas parkir boleh meletakkan kenderaan di kawasan berkenaan secara percuma," katanya.

Sementara itu, Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya mengenakan kadar caj di medan letak kenderaan di Teluk Chempedak bermula 1 Julai lalu.

"Sebenarnya, caj berkenaan sudah lama dikenakan tidak kira sama ada kepada pengunjung yang ada pas bulanan atau tahunan dikeluarkan MPK. Sebelum ini, kita bagi kelonggaran kepada pengunjung.

"Tetapi, bermula 1 Julai lalu, penguatkuasaan caj berkenaan dikenakan kepada pengunjung yang mahu meletakkan kenderaan di medan letak kenderaan itu," katanya.

12/07/2017  
Harian Metro